



## “PROTOKOL YAHUDI MENGHANCURKAN UMMAT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَدَاوَةً  
لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا الْيَهُودَ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita bersyukur dengan nikmat Islam dan Iman yang telah kita kecapai selama ini dengan berusaha menambahkan ilmu dan amal serta ketaqwaan kita kepada Allah SWT. Jadilah kita di kalangan hambanya yang melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan apabila kita taat kepada Allah dan Rasul-Nya, kita akan tergolong di kalangan hamba-Nya yang mendapat nikmat kesejahteraan di dunia mahupun di akhirat.

Marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk:  
**"PROTOKOL YAHUDI MENGHANCURKAN UMMAT"**.

## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Masyarakat Yahudi adalah satu golongan yang sememangnya dilaknat oleh Allah SWT kerana kesesatannya dan kezalimannya menderhakai Allah dan Rasulnya serta menzalimi Umat Islam semenjak dahulu sehinggalah kini. Allah SWT amat melarang Umat Islam menjadikan mereka sebagai teman rapat dan rakan taulan khususnya dalam mengurus hal ehwal berkaitan Islam.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Maidah ayat 51:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَرَى  
أَوْلِيَاءَ ۚ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۚ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ مِنْكُمْ  
فَإِنَّهُ مِنْهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥١﴾



*"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai pemimpin-pemimpin kamu, kerana sebahagian mereka menjadi pemimpin kepada sebahagian yang lain. Sesiapa antara kamu yang menjadikan mereka pemimpinnya, maka sesungguhnya dia adalah daripada golongan mereka itu. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim".*

Berdasarkan ayat tersebut jelaslah bagi kita bahawa bangsa Yahudi adalah bangsa yang zalim dan mereka sentiasa mengadakan propaganda untuk menghancurkan ummat di dunia ini terutamanya kepada Ummat Islam. Kita melihat mereka menjajah, merampas tanah air dan membunuh Umat Islam di Palestin dan di tempat lain pula mereka membunuh semangat, akidah dan menjajah fikiran dengan pelaksanaan **ghazwatul fikr** iaitu bentuk penjajahan pemikiran melalui protokol Yahudi.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Sekiranya kita merujuk kepada 24 protokol Yahudi, maka yang keempatnya adalah *"Bangsa Yahudi mestilah menghapuskan segala bentuk kepercayaan agama serta mengikis daripada hati orang bukan Yahudi prinsip ketuhanan dan menggantikannya dengan perkiraan kebendaan dan lain-lain yang melalaikan"*.

Protokol Yahudi ini kian mempengaruhi hidup generasi muda sehinggakan ramai umat Islam telah di cengkam oleh pemikiran Yahudiah dan akhirnya umat Islam khususnya generasi muda kita jatuh tersungkur.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 120:



# وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

*"Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepada engkau (Wahai Muhammad) sehingga engkau menurut millah (agama) mereka (yang telah terpesong itu)".*

Di antara perkara yang menggempur pemikiran Umat Islam ialah dengan pelaksanaan '5S' iaitu screen, smoke, sport, sing & song dan seks.

1. 'Screen' atau filem. Melalui filem, Yahudi berjaya melakukan propaganda memburuk-burukkan Islam, menghina Rasulullah, menggalakkan pergaulan bebas di kalangan muda-mudi, menampilkan fesyen dan budaya songsang, melahirkan fahaman dan akidah sesat dan sebagainya.
2. 'Smoke' atau rokok. Melalui rokok inilah kita menyumbangkan kira-kira 10 juta dollar U.S sehari membantu ekonomi Yahudi untuk membunuh Umat Islam di Palestin. Malah melalui rokoklah akhirnya boleh melarat kepada penagihan najis dadah.
3. 'Sport' atau sukan. Pelaksanaan temasya sukan yang ditaja oleh syarikat-syarikat arak dan rokok dalam menjayakannya, pendedahan aurat yang nyata, pergaulan bebas dan terdapat unsur-unsur Majusiah iaitu unggun api di dalam pelaksanaannya.
4. 'Sing&Song' atau nyanyian. Melalui nyanyian dan hiburan telah banyak memesongkan akidah Umat Islam dengan pemujaan



terhadap syaitan dan wanita yang mengakibatkan kelalaian dan lupa kepada Allah dan Rasul.

5. 'Seks'. Penerapan budaya songsang di kalangan masyarakat terutamanya belia. Berlakunya pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan sehingga merangsang perlakuan seks yang tidak terkawal. Natijahnya ramai anak zina yang lahir dan ianya sangat mengancam generasi Islam pada masa akan datang.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Bagaimanakah cara dan kaedahnya bagi kita Umat Islam untuk mengawal daripada pengaruh fenomena protokol Yahudi ini? Antara kaedah dan caranya ialah;

1. Wajib bagi Umat Islam kembali kepada pegangan akidah yang ampuh pemahaman syariat yang benar dan pengamalan akhlak yang terpuji mengikut apa yang dibawa oleh Rasulullah saw kepada kita.
2. Tarbiyyah dan didikan anak-anak kepada asas ilmu dan ibadah yang istiqamah adalah jaminan keselamatan generasi kita yang akan datang dan mampu menjadi benteng serangan pemikiran dan protokol Yahudi.
3. Wajib bagi kita mengenali musuh-musuh Islam yang sentiasa memerangi aqidah, syariat dan akhlak-akhlak Islam.
4. Wajar bagi Umat Islam mengatur strategi untuk melumpuhkan ekonomi Yahudi dengan memboikot atau memberhentikan urusan perdagangan dengan Yahudi.



5. Umat Islam mesti berani menguasai medium dakwah alaf baru untuk menarik minat generasi muda dekat dengan Islam melalui wasilah hiburan, sukan, filem, internet dan sebagainya yang tidak bercanggah dengan syariat.
6. Semua lapisan masyarakat bertanggungjawab menjelaskan kepada orang ramai bahayanya protokol yahudi ini.
7. Pihak pemerintah hendaklah menganjurkan program pendidikan dan tarbiyyah bagi menjelaskan bahayanya protokol '5S' Yahudi kepada masyarakat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ  
دَاوُدَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا  
يَعْتَدُونَ

*"Orang-orang kafir dari Bani Israil telah dilaknat melalui lidah (doa) Nabi Daud dan Nabi Isa Ibni Maryam. Demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu melampaui batas".*

*(Al-Maidah : 78)*



بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ،  
وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ  
وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.





اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِ الْمُرْسَلِيْنَ  
وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنْ اَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَاَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ اَجْمَعِيْنَ. اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبٌ  
الدَّعْوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللّٰهُمَّ اِنَّا  
نَسْأَلُكَ اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ  
الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ  
صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اِنَّا  
نَسْأَلُكَ الْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ  
لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعْكُوْ اَمِيْرِ شَاهِ ابْنِ



السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج يَا  
ذَالْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا  
مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakjikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka,



lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.